A

JIRAMAT MOHD RASHID lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
GHAZALI CHA H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-51-03-2017]
15 MEI 2017

B

PROSEDUR JENAYAH: *Jaminan – Permohonan – Majistret menolak permohonan jaminan – Deklarasi bahawa perintah Majistret yang menolak permohonan jaminan diketepikan – Sama ada kebajikan pemohon yang berumur 16 tahun harus diambil kira – Sama ada jaminan wajar dibenarkan walaupun pemohon bukan seorang warganegara*

C

Penama/pemohon ('P') yang berumur 16 tahun dipertuduh dengan satu pertuduhan di bawah s. 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 di Mahkamah Majistret. Satu permohonan lisan dibuat di hadapan Penolong Pendaftar, untuk satu jaminan, bagaimanapun, permohonan itu ditolak. Satu notis usul pula difailkan di Mahkamah Tinggi untuk satu deklarasi bagi membatalkan pertuduhan terhadap P. Justeru, P memfailkan permohonan baru untuk satu jaminan di hadapan Majistret atas alasan tarikh perbicaraan baru notis usul. Bagaimanapun, sekali lagi permohonan ini ditolak. Melalui notis usul ini, P telah mengusulkan di bawah s. 389 Kanun Tatacara Jenayah dan/atau menurut s. 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan/atau bidang kuasa sedia ada mahkamah untuk relif-relif, antara lain, bahawa perintah Majistret yang menolak permohonan jaminan P diketepikan.

D

E

Diputuskan (membenarkan permohonan dengan satu jaminan RM2,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia):

F

(1) Apa yang penting untuk diambil kira ialah kebajikan P. Pada masa permohonan ini difailkan, P baru berumur 16 tahun. P juga telah ditahan di Penjara Kajang selama tiga bulan bersama-sama pesalah-pesalah dewasa yang lain. Selama tiga bulan ini, P telah bergaul dengan pesalah-pesalah yang menghadapi berbagai-bagai pertuduhan jenayah yang lain. Dalam keadaan seperti itu, P yang masih muda akan lebih terdedah kepada risiko menjadi seorang penjenayah pada masa depan selepas keluar dari penjara nanti. (perenggan 8 & 9)

G

(2) Jaminan yang diberikan bukanlah untuk membebaskan P secara 'total', akan tetapi P diperintahkan untuk diletakkan di bawah perlindungan sebuah Pusat Yayasan. Sama ada P seorang warganegara atau tidak, satu jaminan perlulah diambil kira supaya risiko-risiko yang bakal dihadapinya semasa di dalam penjara tidak akan memberikan kesan buruk terhadap masa depan P. (perenggan 13 & 14)

H

I

Perundangan yang dirujuk:
Courts of Judicature Act 1964, s. 31
Criminal Procedure Code, s. 389
Immigration Act 1959/63, s. 6(1)(c)

Bagi pihak pendakwaan - Mahadhir Mohd Khairudin; TPR
Bagi pihak pembelaan - Collin Arvind Andrew & Chan Yen Chui; T/n Collin's Law Chambers

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Ghazali Cha H:

[1] Melalui notis usul yang difailkan oleh penama/pemohon (P) ini, P telah mengusulkan di bawah s. 389 Kanun Tatacara Jenayah dan/atau menurut s. 31 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dan/atau bidang kuasa sedia ada mahkamah untuk relief-relief berikut:

(a) bahawa perintah Majistret pada 28 Februari 2017 yang menolak permohonan jaminan P diketepikan;

(b) bahawa kanak-kanak (P) tersebut dibenarkan jaminan; dan

(c) perintah-perintah dan/atau arahan-arahan sedemikian yang dianggap suai manfaat dan adil untuk diberikan oleh mahkamah yang mulia ini.

[2] Di dalam afidavit sokongan yang diikrarkan oleh abang kepada P, Mohd Shah bin Mohd Roshid, antara lainnya mengikrarkan fakta-fakta berikut:

(a) Pada 21 Disember 2016, P yang berumur 16 tahun telah dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s. 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 di Mahkamah Majistret Sepang;

(b) Pada 11 Januari 2017 satu permohonan lisan dibuat di hadapan Penolong Pendaftar, Mahkamah Sepang untuk satu jaminan, bagaimanapun, permohonan itu telah ditolak;

(c) Satu notis usul pula telah difailkan di Mahkamah Tinggi untuk satu deklarasi untuk membatalkan (quash) pertuduhan terhadap P dan ditetapkan untuk perbicaraan pada 27 Mac 2017;

(d) Pada 28 Februari 2017 pula, peguam bela P telah memfailkan permohonan baru untuk satu jaminan di hadapan Majistret atas alasan tarikh perbicaraan baru notis usul dipinda kepada 27 Mac 2017 dan peguam bela mengemukakan satu "psychologist report" bertarikh 13 Februari 2017. Bagaimanapun sekali lagi permohonan ini ditolak. Alasan-alasan permohonan ini adalah seperti berikut;

A (e) Menurut laporan ahli psikologi, jika P tidak dibenarkan dibebaskan dengan satu jaminan, P akan menerima satu kesan yang teruk. Abang P merujuk kepada laporan tersebut yang ditandakan sebagai "JR2".

(f) Abang P memberikan pengakuan bahawa jika jaminan dibenarkan kepada P, beliau akan mempastikan kehadiran P ke mahkamah tanpa
B gagal sehingga perbicaraan selesai; dan

(g) Pertuduhan terhadap P juga telah menimbulkan satu persoalan undang-undang iaitu sama ada s. 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 terpakai kepada P, seorang kanak-kanak Rohingya yang meminta assylum di
C Malaysia.

[3] Satu afidavit untuk menyokong permohonan P juga difailkan oleh Penolong Pengurus, Pusat Yayasan Chow Kit yang merupakan sebuah badan bukan Kerajaan yang telah ditubuhkan pada tahun 2010 bertujuan untuk melindungi kanak-kanak yang lemah dan terpinggir "vulnerable and
D maginalised" dan pihak Yayasan juga turut bekerjasama dengan Kementerian Wanita, Masyarakat dan Keluarga, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, badan-badan korporat serta individu-individu di dalam menyediakan perlindungan untuk kanak-kanak.

[4] Menurut afidavit Tuan Noor Hasini bin Tuan Omar, Penolong
E Pengurus, Pusat Yayasan Chow Kit, juga menyatakan bahawa Yayasan ini, pada masa ini terdapat beberapa orang pemegang amanah, iaitu:

(a) Tan Sri Razali Ismail (Pengerusi).

(b) Tan Sri Faizah Mohd Tahir.

F (c) Tunku Zain Al Abidin.

[5] Yayasan Chow Kit juga pada masa ini mempunyai sebuah rumah perlindungan "shelter" untuk menempatkan kanak-kanak yang terdedah kepada ancaman mental, fizikal, emosi dan psikologi.

G **[6]** Seterusnya, Tuan Noor Hasini berkata bahawa Yayasan Chow Kit bersedia dan sudi untuk menempatkan P, yang telah ditahan reman selama tiga bulan di Penjara Kajang. Jika mahkamah ini membenarkan permohonan P ini, pihak Yayasan bersedia mematuhi apa-apa syarat yang bakal diberikan oleh mahkamah ini.

H **[7]** Responden pula telah memfailkan afidavit balasan mereka, bagaimanapun afidavit balasan tersebut, setelah saya teliti lebih merujuk kepada pertuduhan yang dihadapi oleh P, tetapi langsung tidak menyatakan apa-apa risiko sekiranya P dilepaskan dengan jaminan atau diletakkan di Yayasan Chow Kit sepertimana yang dicadangkan oleh peguam bela P.

I

Penemuan Mahkamah

[8] Di dalam menimbang permohonan ini, saya berpendapat apa yang penting diambil kira ialah dari segi kebajikan kepada P. P melalui afidavit abang kandungnya mengatakan bahawa pada masa permohonan ini difailkan, P baru berumur 16 tahun. P juga telah ditahan di Penjara Kajang selama tiga bulan bersama-sama pesalah-pesalah dewasa yang lain.

[9] Mahkamah juga mengambil maklum bahawa selama tiga bulan, P telah bergaul dengan pesalah-pesalah yang menghadapi berbagai-bagai pertuduhan jenayah yang lain. Di dalam keadaan seperti itu, P yang masih muda akan lebih terdedah kepada risiko menjadi seorang penjenayah pada masa depan selepas beliau keluar daripada penjara nanti. Saya merujuk kepada "psychologist report" JR2.

[10] Di peringkat ini, saya tidak berhasrat untuk menyentuh mengenai merit pertuduhan yang dihadapi oleh P kerana isu ini akan dibicarakan di hadapan mahkamah yang lain nanti.

[11] Oleh itu saya berpendapat, di samping mengenakan jaminan RM2,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia, saya mengenakan syarat-syarat tambahan seperti berikut:

(a) P hendaklah ditempatkan di Pusat Yayasan Chow Kit, sepanjang masa sehingga perbicaraan atas pertuduhan terhadap P selesai.

(b) Pihak Yayasan Chow Kit hendaklah menguruskan perjalanan P untuk pergi dan balik ke mahkamah setiap kali P diperlukan hadir ke mahkamah.

(c) Pihak Yayasan Chow Kit juga hendaklah bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan keselamatan P sepanjang masa beliau ditempatkan di rumah kebajikan tersebut.

[12] Mengenai persoalan yang dibangkitkan oleh Timbalan Pendakwa Raya iaitu:

> membenarkan ikat jamin ke atas warganegara asing yang tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan yang sah walhal keberadaannya itu sendiri di Malaysia adalah tidak sah.

[13] Saya berpendapat alasan-alasan di atas adalah menjawab soalan ini Selain itu, jaminan yang diberikan bukanlah untuk membebaskan P secara total, akan tetapi P diperintahkan untuk diletakkan di bawah perlindungan Pusat Yayasan Chow Kit dengan syarat-syarat yang tertera seperti di atas demi untuk kebajikan P sendiri.

[14] Sama ada P seorang warganegara atau tidak, satu jaminan perlulah diambil kira supaya risiko-risiko yang bakal dihadapinya semasa di dalam penjara tidak akan memberikan kesan buruk terhadap masa depan P. Tambahan pula P ini merupakan seorang kanak-kanak muda yang berumur 16 tahun.

[15] Untuk itu, maka saya telah memutuskan bahawa, satu jaminan RM2,000 dengan seorang penjamin warganegara Malaysia diberikan kepada P dengan syarat-syarat seperti di atas.